

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – KEMALANGAN DIRI (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan UOB Pelan Tunai Penjagaan Premier . Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terkandung di dalam polisi).	Nama penawar khidmat kewangan: United Overseas Bank (M) Bhd Nama produk: UOB Pelan Tunai Penjagaan Premier Tarikh: 01/03/2024
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan pampasan akibat kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh keadaan dimana berlakunya perlakuan kejam secara tidak sengaja, luaran dan dapat dilihat. Selain daripada itu, polisi ini menyediakan Elaun akibat Ragut, Perbelanjaan Pengebumian akibat Kemalangan . Tambahan pula, Manfaat Pendapatan Hospital Harian kerana sakit dan kemalangan dilindungi sehingga 365 hari. Manfaat tulang patah atau retak juga disediakan akibat kemalangan . Selain itu , polisi ini menyediakan 20 % Bonus Tuntutan Pembaharuan ke atas premium yang telah dibayar yang akan dikembalikan semasa pembaharuan polisi tertakluk kepada Tiada Tuntutan dalam tempoh polisi sebelum ini, dan polisi semasa masih berkuat kuasa.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

	Manfaat	PELAN A	PELAN B	PELAN C
A1	Kematian akibat Kemalangan	RM250,000	RM375,000	RM500,000
A2	Hilang Upaya Kekal– Jadual Kemalangan Peratusan yang dibayar a. Hilang upaya kekal daripada pekerjaan yang menguntungkan mana-mana dan setiap jenis b. Kehilangan satu atau kedua-dua anggota badan c. Kehilangan satu atau kedua-dua mata	RM250,000 100% 100% 100%	RM375,000 100% 100% 100%	RM500,000 100% 100% 100%
B	Pendapatan hospital harian akibat kemalangan sehingga 365 hari	RM500	RM750	RM1,000
C	Pendapatan hospital harian akibat sakit sehingga 365 hari	RM 50	RM75	RM100
D	Elaun akibat diragut (dalam Malaysia sahaja) – (Sekali dalam tahun polisi)	RM1,000	RM1,500	RM2,000
E	Tulang patah atau retak - akibat kemalangan Jadual peratusan yang dibayar a. Leher, tengkorak atau tulang belakang b. Pinggang c. Rahang , pelvis , kaki, lutut atau pergelangan kaki d. Tulang pipi atau bahu e. Lengan, siku, pergelangan tangan atau tulang rusuk f. Hidung atau kolar tulang g. Jari , ibu jari , kaki, tangan, atau jari kaki	RM4,000 100% 75% 50% 30% 25% 20% 10%	RM6,000 100% 75% 50% 30% 25% 20% 10%	RM8,000 100% 75% 50% 30% 25% 20% 10%
F	Perbelanjaan Pengebumian Akibat Kemalangan	RM1,000	RM1,500	RM2,000
G	Perbelanjaan Perubatan untuk pembedahan harian - akibat kemalangan	RM4,000	RM6,000	RM8,000
H	Bonus Tuntutan Setiap Tahun Pembaharuan (atas premium yang dibayar)	20% daripada premium yang telah dibayar		

*20% daripada premium yang dibayar akan dipulangkan semasa pembaharuan tertakluk kepada tiada apa-apa tuntutan dalam tempoh masa sebelumnya.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu membayar perlindungan insurans secara bulanan melalui kad kredit.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada Pelan yang dipilih oleh pelanggan:

Premium Bulanan	Pelan A	Pelan B	Pelan C
Ahli	RM60.00	RM85.00	RM110.00
Ahli & Pasangan	RM105.00	RM150.00	RM200.00
Keluarga dengan 1 anak	RM150.00	RM215.00	RM285.00
Keluarga dengan 2 anak	RM195.00	RM285.00	RM375.00
Keluarga dengan 3 anak	RM245.00	RM355.00	RM470.00
Ahli dengan 1 anak	RM105.00	RM150.00	RM200.00
Ahli dengan 2 anak	RM155.00	RM230.00	RM300.00
Ahli dengan 3 anak	RM210.00	RM305.00	RM400.00

Nota:

Diskaun 10% telah diberikan untuk ahli & pasangan dan ahli & anak.

Diskaun 15% telah diberikan untuk ahli, pasangan & anak.

Pekerjaan Kelas 3 – Terhad kepada Pelan A sahaja.

Premium ini tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.

4. Berapakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	25%
Duti Setem	Tiada (Pada Sijil)
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

5. Apakah terma dan syarat-syarat tertentu yang perlu diambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan – anda dikehendaki mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan anda dan maklumat peribadi yang akan menjelaskan profil risiko.
- Tempoh Kajian – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi tersebut dalam masa 15 hari selepas anda menerima polisi tersebut. Bayaran premium yang telah dibayar (ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan) akan dibayar balik kepada anda.
- Melainkan diperbaharui, perlindungan insurans yang akan tamat pada tarikh luput dan syarikat insurans itu hendaklah dengan tegas tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh tamat tempoh.
- Tuntutan
 - Tiada tuntutan boleh diterima jika premium tertunggak
 - Semua tuntutan mestilah diberitahu kepada kami secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh kerugian
- Tunai Sebelum Perlindungan** (hanya untuk Individu Polisi) – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatas dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kecederaan atau kematian yang disebabkan oleh kejadian berikut:

- Keadaan pra-perubatan yang sedia ada;
- Risiko perang;
- Bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan;
- AIDS;
- Kehamilan atau kelahiran anak; melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan;
- Sukan yang berbahaya.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan menghantar pemberitahuan bertulis kepada syarikat kami iaitu dengan memberikan notis 30 hari. Selepas pembatalan, tiada bayaran balik premium akan disediakan untuk pembayaran mod bulanan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat – menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut

Produk ini diedarkan oleh UOB.

Untuk mengetahui lebih lanjut, sila kunjungi [UOB.my/Banca](#) atau hubungi Pusat Perhubungan UOB 24 jam di **+6 03-26128 121**:

Imbas kod QR untuk mendapatkan lebih banyak cara untuk menghubungi kami:



[UOB.my/contactus](#)

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk naskhah insureinfo berkenaan 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapatkan di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan ejen insurans.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami:

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan

Liberty General Insurance Berhad

Dahulu dikenali sebagai Amgeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,

CT9, Pavilion Damansara Heights,

3, Jalan Damanlela

Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur.

Tel. No: 03-2268 3333 or 1-300-888-990

E- mel: customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

10. Pilihan Perlindungan Kemalangan Diri lain yang ditawarkan.

- Penjagaan Kemalangan Diri Tambahan
- Pelan Kemalangan Penjagaan
- Pelan Perlindungan Pulangan Balik Pembaharuan Bonus

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA JUGA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SERTA BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam Senarai Pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac, 2024.